

# KESAN AGIHAN ZAKAT TERHADAP ASNAF DI SARAWAK: ANALISIS LITERATUR UTAMA

## *THE EFFECT OF ZAKAT DISTRIBUTION ON ASNAF IN SARAWAK: PRIMARY LITERATURE ANALYSIS*

Mohamad Mahadhir bin Mohamad Azri <sup>1</sup>  
Hadenan bin Towpek <sup>2</sup>

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia,  
(E-mail: mahadhiraz586@gmail.com)

<sup>2</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia,  
(E-mail: hadenan298@uitm.edu.my)

### Article history

**Received date** : 29-8-2024  
**Revised date** : 30-8-2024  
**Accepted date** : 27-9-2024  
**Published date** : 30-9-2024

### To cite this document:

Mohamad Azri, M. M., & Towpek, H. (2024).  
(2024). Kesan agihan zakat terhadap asnaf di  
Sarawak: Analisis literatur utama. *Journal of  
Islamic, Social, Economics and Development  
(JISED)*, 9 (66), 388 – 412.

---

**Abstrak:** Zakat memainkan peranan penting dalam membasmi kemiskinan dan menyokong pembangunan sosioekonomi dalam kalangan masyarakat Islam termasuklah di Sarawak. Untuk itu, berdasarkan sorotam literatur lepas, artikel ini cuba menampilkan perbincangan dan analisis berkaitan kesan agihan zakat terhadap golongan asnaf di Sarawak berdasarkan analisis sumber literatur utama. Dimensi analisis sumber asas literatur dalam artikel ini boleh dibahagikan kepada empat aspek perbincangan. Aspek pertama merupakan analisis sumber-sumber literatur yang menyentuh mengenai beberapa sumber asas mengenai konsep agihan zakat. Aspek kedua pula mengetengahkan sumber-sumber literatur yang menerangkan corak agihan zakat di pusat zakat di Malaysia secara amnya dan di Negeri Sarawak secara khasnya. Sementara aspek ketiga pula artikel ini memanfaatkan beberapa kajian lepas yang menjelaskan aspek kesan agihan zakat. Seterusnya, aspek keempat pula artikel ini juga memetik dan merumuskan beberapa kajian lepas berkaitan implikasi zakat dalam kemiskinan.

**Katakunci:** Agihan Zakat, Asnaf Zakat di Sarawak

**Abstract:** Zakat plays a crucial role in eradicating poverty and supporting socio-economic development among Muslim communities, including in Sarawak. This article aims to present a discussion and analysis of the impact of zakat distribution on the asnaf (eligible recipients) in Sarawak, based on an analysis of primary literature sources. The analysis is divided into four key aspects. The first aspect involves the examination of literature sources that address fundamental concepts related to zakat distribution. The second aspect highlights literature that discusses the patterns of zakat distribution at zakat centers in Malaysia, with a specific focus on Sarawak. The third aspect utilizes previous studies to explain the impact of zakat distribution. Finally, the fourth aspect summarizes and analyzes previous research on the implications of zakat on poverty.

**Keywords:** Zakat Distribution, Zakat Asnaf in Sarawak

## Pengenalan

Zakat merupakan suatu kewajipan utama di kalangan orang-orang Islam sebagai rukun Islam yang kelima. Nilai dasar zakat ini bukan sahaja melambangkan syiar amalan ibadat yang wajib bahkan juga memberi aspirasi pemahaman dan falsafah yang begitu penting dalam pembangunan dan kemajuan anggota masyarakat yang berupa memenuhi keperluan kebajikan mereka. Tambahan pula, zakat juga diakui mempunyai nilai sosioekonomi yang tinggi selaras dengan fungsinya merapatkan jurang kemiskinan dan membantu menampung kos perbelanjaan asas kehidupan seharian terutamanya di kalangan orang-orang yang menanggung bebanan kehidupan yang berat.

Amalan berzakat juga menggambarkan kehidupan masyarakat Islam yang sangat mementingkan semangat bertolong-bantu antara satu dengan yang lain, sehinggakan mendahulukan kepentingan dan keperluan saudara-saudaranya yang lain berbanding dengan kepentingan dan keperluan sendiri. Nilai persaudaraan yang tinggi ini merupakan buah keimanan mantap hasil didikan dan tarbiyah rohaniyah yang benar-benar ikhlas kepada Allah SWT. Perkara inilah yang diumpamakan dalam sebuah hadis Nabi SAW yang menggambarkan hubungan persaudaraan umat Islam diibaratkan sebagai sebuah bangunan yang saling kukuh-mengukuh dan sokong-menyokong. Syiar persaudaraan ini bukan hanya dalam bentuk bantuan dan pertolongan dari sudut tenaga semata-mata, tetapi juga syariat Islam turut membimbing dan mendidik umatnya supaya menghulurkan apa-apa sahaja bantuan dan pertolongan termasuklah berupa wang dan harta benda. Amalan berzakat ini dilakukan bukanlah kerana sifat menunjuk-nunjuk pemilikan kekayaan, ataupun mengharapkan puji-pujian dan sanjungan manusia, tetapi ia adalah manifestasi daripada cetusan keimanan kepada Allah SWT yang mengharapkan keredhaan hidup dan keberkatan harta.

Sehubungan itu, artikel ini merupakan sebuah kajian dengan hasrat untuk meneroka, mengenalpasti, meneliti, dan memerihalkan kesan agihan zakat terhadap asnaf zakat di Sarawak berdasarkan analisis literatur utama.

## Latar Belakang Kajian

Zakat merupakan komponen penting dalam rukun-rukun yang wajib dan mempunyai peranan dalam pembangunan sosioekonomi umat Islam. Pandangan sarjana Islam tersohor seperti Syeikh Yusuf al-Qardawi (1973) menjelaskan bahawa antara peranan zakat adalah dihubungkan kepada penerima agihan (asnaf) untuk membebaskan mereka daripada sesuatu yang merendahkan martabat mereka. Zakat mampu membuka pontensi asnaf untuk keluar daripada masalah kemiskinan (Muhammad Hanif et. al, 2021). Oleh itu, peranan zakat ini penting bagi menjamin sokongan yang bersifat fizikal, jiwa mahupun akal kepada asnaf dalam membentuk kekuatan mereka untuk keluar dari kepompong kemiskinan. Golongan asnaf secara jelas telah disebutkan dalam al-Quran melalui firmanNya dalam Surah al-Tawbah pada ayat ke 60. Ayat ini menerangkan terdapat lapan kumpulan asnaf yang berhak diagihkan zakat. Kumpulan asnaf pertama dan kedua adalah fakir dan miskin. Hal ini jelas menunjukkan bahawa tujuan zakat itu sendiri mengutamakan pembasmian kemiskinan dalam kehidupan umat Islam.

Dalam memastikan tujuan zakat berjaya dicapai, pihak pengurusan zakat perlu memastikan proses agihan zakat terhadap asnaf ini dilaksanakan secara adil. Hal ini kerana, kesan daripada agihan zakat ini dapat mengeluarkan asnaf daripada kepompong kemiskinan dan membolehkan mereka menjadi penyumbang zakat juga penyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi.

Sehubungan dengan itu, zakat dalam konteks sebuah organisasi yang diinstitusikan memainkan peranan penting dalam memastikan tujuan pensyariatannya dapat dirasai dan dinikmati oleh umat manusia. Peranan ini bukan sahaja menyentuh aspek ibadah, tetapi juga aspek manfaat kepada kehidupan manusia. Justeru, peranan institusi zakat perlu diperkasakan dari masa ke masa. (Hazwan Syah Niezam *et. al*, 2021)

Selain itu, pusat zakat juga berperanan sebagai pusat pengurusan zakat di mana zakat diambil dari orang kaya dan diberikan kepada orang fakir dan dengannya mereka dapat memenuhi keperluan kehidupan dalam konteks material, fikiran dan rohani. Justeru, golongan fakir akan dapat memainkan peranan hidupnya demi melaksanakan ketaatan kepada Allah SWT dan mereka akan menganggap bahawa hidup mereka bergantung kepada hidup masyarakat yang mulia penuh dengan nilai tolong-menolong tanpa ada sifat kehinaan.

Dalam konteks semasa, isu berkaitan kemiskinan seringkali menjadi korpus perdebatan dunia dan dalam negara. Umpamanya di persada dunia seperti *Sustainable Development Goals* (SDG) yang diterjemahkan sebagai Matlamat Pembangunan Mampan, dilancarkan pada tahun 2015 oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang memfokuskan kepada pembangunan bagi mencapai masa depan yang lebih baik dan lestari untuk semua berdasarkan pengumpulan matlamat, sasaran dan indikator global. Malaysia bersama 193 negara anggota PBB yang lain telah menyatakan komitmen untuk menyokong dan melaksanakan SDG seterusnya mencapai matlamat dan sasaran yang ditetapkan. Dalam agenda SDG ini menempatkan “Tiada Kemiskinan (*No Poverty*)” sebagai petunjuk pertama daripada 17 petunjuk-petunjuk lain. (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020)

Berdasarkan *Global Sustainable Development Report 2023* yang dikeluarkan oleh United Nation (2023), petunjuk pertama: “Tiada Kemiskinan (*No Poverty*)” melaporkan bahawa indikator mengatasi kemiskinan tegar berada pada tahap tiga iaitu pertengahan menghampiri sasaran. Bagi tahun semasa iaitu 2023 menunjukkan trend bagi SDG ini menggambarkan kemajuan yang terhad atau tiada kemajuan. Lantaran itu, pergerakan perubahan trend kemajuan SDG indikator ini bagi tempoh 2020 hingga 2023 menunjukkan pergerakan yang mengundur. Sementara indikator pelaksanaan sistem kawalan sosial juga berada pada tahap tiga iaitu pertengahan menghampiri sasaran. Bagi tahun semasa iaitu 2023 menunjukkan trend bagi SDG ini menggambarkan kemajuan yang sederhana tetapi perlu dipercepatkan. Namun, laporan ini tidak menyediakan data bagi pergerakan perubahan trend kemajuan SDG indikator ini bagi tempoh 2020 hingga 2023.

Pada peringkat negara pula, Kerajaan Malaysia turut menampakkan kesungguhan dan iltizam tinggi dalam melibatkan diri dalam agenda SDG menerusi pembentukan Matlamat Pembangunan Lestari 2030 dengan pelancaran Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) pada Oktober 2019 yang menjadi tema asas kepada Rancangan Malaysia ke-12 (2021 hingga 2025) dan Rancangan Malaysia ke-13 (2026 hingga 2030). WKB 2030 bertujuan memastikan seluruh rakyat mempunyai taraf hidup yang wajar menjelang tahun 2030 dengan meletakkan tiga objektif terdiri daripada pembangunan untuk semua, menangani jurang kekayaan dan pendapatan serta menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah. (Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Malaysia, 2019)

Berkesinambungan daripada itu, YAB Dato’ Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, semasa menyampaikan *Ucapan Belanjawan 2023* menegaskan tekad ketiga pihak kerajaan adalah “Keadilan Sosial Untuk Menyederhana Kesenjangan”, iaitu mendambakan

Malaysia yang saling menghormati dan mengasihi. Sifat ihsan dan rahmah itu mesti tertegak melalui aspek keadilan sosial bagi menjamin kesejahteraan semua rakyat. Untuk itu, perbelanjaan negara diperuntukkan menerusi empat ikhtiar iaitu ikhtiar 9: menoktahkan miskin tegar, ikhtiar 10: meminimum beban sara hidup, ikhtiar 11: menjamin keharmonian dan perpaduan, dan ikhtiar 12: menyediakan keperluan asas berkualiti. (Kementerian Kewangan Malaysia, 2023)

YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim juga menekankan bahawa kerajaan berhasrat dalam menamatkan kemiskinan rakyat dan juga memberi fokus kepada Sarawak melalui langkah yang menyeluruh. Antaranya perlaksanaan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang menitikberatkan kepada pembangunan golongan miskin bagi meningkatkan potensi pendapatan. (Kementerian Kewangan Malaysia, 2023)

Dalam konteks Negeri Sarawak pula, kedudukan institusi zakat ini boleh ditinjau menerusi Perlembagaan Persekutuan melalui Jadual 9 Senarai Negeri telah memperuntukkan bahawa zakat adalah di bawah kuasa negeri. Lantaran itulah Kerajaan Sarawak telah menggubal Undang-undang Kecil Zakat dan Fitrah dibawah *Majlis Islam (Incorporation) Ordinance* (Cap 105) tahun 1972 yang memberi autoriti kepada Majlis Islam Sarawak untuk mentadbir pengurusan zakat di Sarawak. Dalam perkembangan terkini, ordinan tersebut telah dikemas-kini dan digubal semula iaitu *Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001*. Dalam ordinan baharu ini, terdapat seksyen khusus yang memperuntukkan pentadbiran dan pengurusan hal ehwal zakat, iaitu pada Bahagian VII Zakat dan Fitrah, di bawah subtajuk: Kuasa Majlis untuk memungut dan melupuskan zakat dan fitrah sepertimana tertera dalam Seksyen 65 (1) dan (2) seperti berikut:

#### **Kuasa Majlis untuk memungut dan melupuskan zakat dan fitrah**

**65.**—(1) Tertakluk kepada Ordinan ini, Majlis hendaklah mempunyai kuasa, dan hendaklah berkewajipan, untuk memungut dan melupuskan semua zakat dan fitrah yang kena bayar di dalam Negeri mengikut Undang-undang Islam sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis, dengan kelulusan Yang di-Pertua Negeri.

(2) Semua zakat dan fitrah yang dipungut mengikut Bahagian ini hendaklah dibayar ke dalam Baitumal tetapi hendaklah dimasukkan ke dalam suatu akaun berasingan dalam Baitulmal itu.

(Undang-undang Sarawak (Bab 41), 2001)

Perkara ini membuktikan bahawa Kerajaan Sarawak turut menzahirkan komitmen tinggi dalam membangunkan institusi zakat di Sarawak dengan pengwujudan sistem pengurusan dan pentadbiran zakat yang mapan. Institusi zakat ini dinamai sebagai Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) ditubuh pada tahun 1985 sebagai wakil Majlis Islam Sarawak yang bertanggungjawab dalam pengurusan Zakat, Sadaqatul Jariah dan Wakaf. Dalam hal ini, TBS berperanan menyediakan prasarana mengutip, mengagih dan mengurus dana-dana tersebut di samping menyedarkan masyarakat Islam tentang kewajipan berzakat. (Tabung Baitulmal Sarawak, 2013)

Rentetan itu, sebagai persiapan untuk menempuh ledakan perubahan dalam abad ke 21, Penyusunan Semula Pengurusan Tabung Baitulmal Sarawak telah diluluskan di mana pada 15 Disember 1998, Pengurus Besar telah dilantik untuk mengetuai Pengurusannya. Sidang Dewan Undangan Negeri Sarawak pada bulan November 2001 turut meluluskan Ordinan Majlis Islam

Sarawak 2001 yang mana secara langsung menambahkan lagi peranan Tabung Baitulmal Sarawak sebagai sebuah institusi zakat. Sejak penstrukturan semula itu, TBS telah mencapai kejayaan yang membanggakan dalam pelaksanaan dasar dan programnya termasuklah dalam peranannya mengagihkan dana zakat. (Tabung Baitulmal Sarawak, 2013)

Justeru itu, pengagihan zakat TBS dipercayai menjadi efisien dan hasilnya mampu mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan keadaan sosioekonomi asnaf khususnya di Daerah Kuching, Sarawak. Oleh itu, artikel ini akan mendasari dan menumpukan aspek penilaian kesan pengagihan zakat terhadap asnaf di Daerah Kuching, Sarawak berdasarkan sumber literatur utama.


### Pernyataan Masalah Kajian

Agihan zakat dilihat mampu memberi kesan terhadap kualiti hidup umat Islam. Objektif zakat adalah bagi memmanifestasikan sebuah masyarakat yang madani seterusnya memberi nilai kehidupan sebenar. Dengan menghayati kehendak maqasid syariah, kemiskinan bukanlah sekadar dari segi kewangan atau material sahaja, namun Islam menyarankan supaya kemiskinan diatasi dari sudut rohaniah mahupun spiritual. Joni Tamkin Borhan (2002) pula mengaitkan kepentingan zakat dengan pembangunan ekonomi Islam dengan menyatakan bahawa perkara yang perlu dilaksanakan untuk mengecilkan jurang perbezaan di antara golongan kaya dan miskin adalah dengan menghapuskan sebahagian daripada wabaknya. Islam juga menganjurkan manusia untuk menikmati kehidupan dengan sebaiknya dan bertepatan dengan maqasid syariah seperti yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.

### Jurang Pendapatan dan Perbelanjaan

Terdapat isu ketara berkaitan jurang tahap pendapatan dan perbelanjaan. Perkara ini boleh dikaitkan dengan kadar Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Malaysia yang diukur merangkumi kos makanan, pakaian dan perbelanjaan asas seperti sewa, bahan api dan tenaga, pengangkutan dan perhubungan, kesihatan dan juga rekreasi (Nur Syazwani, 2019). Walau bagaimanapun, kos sara hidup yang semakin meningkat, perbezaan antara kawasan, dan cabaran sosio-ekonomi unik di Sarawak telah menyebabkan jurang yang membimbangkan. Realitinya, jurang antara pendapatan dan perbelanjaan dalam kalangan asnaf di Sarawak adalah mencemaskan dan memerlukan penelitian secara menyeluruh. Sebuah kajian daripada Mohd Syahiran (2019) dalam menganalisis pelaksanaan had al-kifayah agihan zakat kepada asnaf fakir dan miskin di Sarawak menunjukkan keseimbangan kewangan asas asnaf terjejas akibat daripada perbelanjaan bulanan melebihi pendapatan bulanan seperti graf 1.

**Graf 1: Pendapatan dan Perbelanjaan Responden Berpendapatan Bawah Garis Kemiskinan (Fakir dan Miskin) di Sarawak**



Sumber: Mohd Syahiran (2019)

Zakat sebagai sistem jaminan sosial yang bertujuan melengkapkan keperluan asnaf dalam mengutamakan pembasmian kemiskinan sepatutnya dapat mengurangkan jurang pendapatan-perbelanjaan dalam kalangan asnaf. Namun, dalam konteks cabaran sosioekonomi di Sarawak, timbul keperluan untuk menyelidik dan mengenalpasti punca dan sebab jurang tersebut masih wujud. Lantaran itu, kajian ini dibangunkan bagi menganalisis kedudukan terkini hubungan corak perbelanjaan berbanding dengan corak pendapatan di kalangan asnaf zakat di Sarawak.

### **Budaya Kebergantungan Pada Zakat**

Selain itu, isu kedua yang ketara dalam artikel ini adalah berkaitan dengan budaya kebergantungan asnaf terhadap bantuan zakat. Perkara ini telah menimbulkan kebimbangan dalam menilai tahap keberkesanan zakat. Bantuan zakat semestinya bukanlah mampu menyelesaikan masalah kemiskinan mereka dalam jangka masa panjang (Muhammad Firdaus et al., 2021). Masalah kebergantungan ini mengakibatkan kurangnya motivasi untuk keluar daripada kitaran kemiskinan dalam kalangan asnaf. Kesannya, mereka kurang berusaha untuk mencari peluang membangunkan kemahiran, pendidikan, atau penjanaaan pendapatan. Perkara ini juga bercanggah dengan fungsi zakat sebagai pemangkin untuk meningkatkan kualiti diri bukan untuk bergantung selamanya kepada zakat melainkan bagi golongan daif dan uzur (Mas Nooraini et al., 2021). Dalam memahami permasalahan ini, kajian ini akan memberikan pandangan yang membina untuk membentuk cadangan yang boleh meningkatkan pengagihan zakat yang efektif.


### **Isu Lebihan Kutipan Berbanding Agihan**

Selanjutnya, isu ketiga yang ketara dalam artikel ini adalah berkaitan isu lebihan kutipan dana zakat berbanding agihannya. Perkara ini boleh dikaitkan dengan tahap pencapaian kutipan zakat yang tinggi dari tahun ke tahun oleh pusat zakat setiap negeri tidak dapat dinafikan lagi. Umpamanya, jumlah kutipan Tabung Baitulmal Sarawak sahaja yang didapati pada tahun 2016 berdasarkan jadual 1, adalah sebanyak RM72,082,740.00.

**Jadual 1: Statistik Kutipan dan Agihan Tabung Baitulmal Sarawak 2016 (RM)**

<b>Jenis</b>	<b>Kategori</b>	<b>Jumlah</b>
Kutipan		72,082,740.00
Agihan		48,363,149.00
Lebihan		23,719,591.00
Agihan Mengikut Asnaf	Fakir	8,460,403.00
	Miskin	3,158,923.00
	Amil	6,425,708.00
	Mualaf	2,669,591.00
	Ar-Riqab	30,000.00
	Ibnu Sabil	2,532.00
	Gharimin	34,235.00
	Fisabilillah	26,027,601.00
	Agihan Lain	1,554,156.00

Sumber: Diolah daripada Pg Mohd Faezul Fikri (2019:68)



Nota: Diolah daripada Jadual 1  
 Sumber: Diolah daripada Pg Mohd Faezul Fikri (2019:68)

Daripada penelitian graf 2, pada tahun 2016, jumlah kutipan zakat adalah sebanyak RM72,082,740.00. Jumlah ini adalah jumlah tertinggi berbanding jumlah agihan zakat dan lebihan zakat. Dengan meningkatnya kutipan wang zakat ini jelas dilihat telah berjaya meningkatkan keberkesannya daripada aspek kutipan. Namun, dengan jumlah kumpulan asnaf seperti fakir miskin didapati semakin meningkat kesan daripada tekanan masalah ekonomi semasa terutamanya pasca pandemik Covid-19, dan kos sara hidup asnaf juga menunjukkan kenaikan.

### Metodologi Kajian

Artikel ini disediakan dengan menggunakan metodologi kajian ulasan literatur sebagai pendekatan utama. Artikel ini menganalisis pelbagai sumber primer yang sedia ada berkaitan dengan agihan zakat kepada golongan asnaf di Sarawak. Metodologi penyelidikan ini bersifat kualitatif, bergantung sepenuhnya kepada analisis data sekunder melalui pemeriksaan terhadap karya-karya ilmiah terdahulu, laporan rasmi, dan teks Islam untuk mendapatkan pandangan mengenai keberkesanan dan impak agihan zakat di Sarawak.

Analisis ini dibahagikan kepada empat aspek utama. Aspek pertama merupakan penerokaan konsep agihan zakat: Ia bermula dengan meneliti konsep-konsep asas agihan zakat, merujuk kepada tokoh-tokoh Islam yang terkemuka seperti Syeikh Yusuf al-Qardawi. Rangka konseptual ini membantu dalam memahami bagaimana zakat bertujuan untuk mengurangkan kemiskinan dan memberi sokongan sosioekonomi dalam kalangan masyarakat Islam.

Aspek kedua pula menumpukan kepada corak agihan zakat dimana ia menyiasat literatur yang membincangkan bagaimana agihan zakat diuruskan dalam pusat-pusat zakat di seluruh Malaysia, dengan penekanan khusus di Sarawak. Ia menyoroti peranan organisasi seperti Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) dalam memastikan zakat disalurkan dengan berkesan kepada mereka yang memerlukan.

Selanjutnya aspek ketiga pula mengkhusus kepada kesan ke atas asnaf yang meneliti lingkungan kehidupan mereka. Kajian ini mengambil rujukan daripada kajian-kajian lepas

untuk memahami bagaimana zakat membantu dalam meningkatkan status sosioekonomi mereka.

Manakala aspek keempat pula meninjau implikasi terhadap kemiskinan. Pada tahap ini, artikel ini meneliti literatur mengenai peranan zakat dalam menangani isu kemiskinan. Dengan merumuskan penyelidikan terdahulu, kajian ini mengenal pasti manfaat dan batasan agihan zakat dalam mengurangkan tahap kemiskinan dalam kalangan asnaf.

### **Persoalan Kajian**

Perbincangan artikel ini secara khusus menjawab empat persoalan kajian berikut:

- i. Apakah sumber asas literatur mengenai konsep agihan zakat?
- ii. Apakah sumber asas literatur mengenai corak agihan zakat di pusat zakat di Malaysia secara amnya dan di Negeri Sarawak secara khasnya?
- iii. Apakah sumber asas literatur mengenai aspek kesan agihan zakat?
  - a. Apakah sumber asas literatur mengenai implikasi zakat dalam kemiskinan?

### **Objektif Kajian**

Artikel ini, secara umumnya berobjektifkan untuk menganalisis sumber literatur utama mengenai kesan agihan zakat terhadap asnaf di Sarawak. Untuk itu, objektif artikel ini secara khususnya adalah untuk mencapai empat objektif berikut:

- i. Menganalisis sumber asas literatur mengenai konsep agihan zakat;
- ii. Menganalisis sumber asas literatur mengenai corak agihan zakat di pusat zakat di Malaysia secara amnya dan di Negeri Sarawak secara khasnya;
- iii. Menganalisis sumber asas literatur mengenai aspek kesan agihan zakat; dan
- iv. Menganalisis sumber asas literatur mengenai implikasi zakat dalam kemiskinan.

### **Dapatan dan Perbincangan**

#### **Konsep Agihan Zakat**

Dalam kajian Muaz Omar et al. (2016) mengenai konsep zakat dan peranannya terhadap masyarakat sejagat menerangkan bahawa zakat dalam konteks syarak didefinisikan sebagai sejumlah harta yang diwajibkan oleh Allah SWT untuk disalurkan kepada golongan yang berhak, dengan jumlah tertentu. Definisi ini diambil daripada Yusuf al-Qaradawi (1973), yang menjelaskan bahawa zakat adalah bentuk sumbangan yang bertujuan untuk memperkukuhkan harta dan melindunginya dari kemusnahan, serta memiliki makna yang lebih dalam dan bermakna. Sementara itu, Ali Akbar Osman (1995) mendefinisikan zakat sebagai kadar harta yang diberikan kepada yang berhak menerimanya dengan syarat-syarat tertentu. Dalam konteks ini, zakat boleh difahami sebagai satu bentuk tanggungjawab agama untuk menyumbangkan sebahagian harta kepada golongan yang memerlukan, dengan syarat-syarat tertentu yang ditetapkan oleh agama Islam. Muhammad Ikhlas dan Anuar (2012) menjelaskan dalam kajian mereka mengenai pemikiran Nur al-Din al-Raniri dalam hukum zakat bahawa konsep zakat zakat adalah merujuk kepada barang yang dikeluarkan daripada harta (iaitu zakat harta) atau daripada badan (iaitu zakat fitrah). Menurut JAWHAR (2022), zakat menurut fiqh merupakan istilah yang merujuk kepada tindakan mengeluarkan sebahagian harta yang telah ditentukan oleh Allah untuk faedah golongan yang berhak menerimanya.

Sumber Muhammad Ikhlas & Anuar mengulas bahawa pandangan al-Raniri menyatakan bahawa hukum zakat adalah fardu (wajib) dan sesiapa yang ingkar akan kefarduannya atau kadar wajibnya maka dia telah kafir, dan sesiapa yang menahan (diri atau orang lain)



menunjukkan keengganan daripada membayar zakat adalah harus untuk diperangi dan diambil (zakat) daripadanya secara paksa. Sementara sumber Zulfaqar Mamat et al. (2018) menekankan bahawa zakat merupakan salah satu daripada rukun Islam dan sebahagian daripada syiar Islam. Zakat menyempurnakan sifat saling berhubungan, bantu membantu dan berkasih sayang antara sesama Islam serta memenuhi hajat dan keperluan orang yang memerlukan.

Manakala, dalam kajian Ahmad Hidayat Buang (2000) membincangkan mengenai pandangan jumbuh ulama seperti Saidina Ali, Ibnu Umar, Aishah, Jabir daripada kalangan Sahabat, Imam Malik, Imam Syafie, al-Thawri, Imam Ahmad daripada imam-imam mazhab berpandangan mengenai zakat itu bukanlah semata-mata ibadah. Ahmad Hidayat memetik pandangan Ibn Rushd (1988) yang menerangkan bahawa zakat adalah hak yang wajib ke atas harta orang-orang kaya untuk diberikan kepada orang-orang miskin. Menurut Siddiqui (1978), tujuan utama zakat adalah untuk mengagihkan semula kekayaan di kalangan masyarakat kerana kekayaan itu secara hakikinya adalah milik Allah SWT.

Selain itu, sumber Ahmad Hidayat juga berkenaan aspek pengurusan zakat yang secara khusus menganalisis dari perspektif al-Quran dan al-Sunnah, zakat adalah penting kepada umat Islam kerana ia adalah ibadat yang mempunyai kaitan dengan aspek-aspek kemasyarakatan dan kemaslahatan umat Islam. Menurut JAWHAR (2022), zakat bukanlah istilah tunggal yang merangkumi makna ini kerana al-Quran dan al-Sunnah turut menggunakan istilah sedekah untuk merujuk kepada konsep yang sama. Sifat zakat juga berbeza daripada sedekah yang bersifat kebajikan dan bergantung kepada ehsan pemberinya namun ia merangkumi sifat yang kemaslahatan untuk pembangunan ummah.

Dalam momentum perbahasan yang sama, kajian Nor Hanani Ismail (2019) adalah berkait rapat dengan aspek kecekapan pengurusan kutipan dan agihan zakat, yang mengutip dapatan Patmawati Ibrahim (2008) dalam kajiannya berkaitan dengan tinjauan terhadap aspek pembangunan ekonomi melalui agihan zakat. Rumusan dapatan Nor Hanani dan Patmawati boleh disimpulkan bahawa elemen kepentingan zakat bukan sekadar satu tanggungjawab agama, tetapi ia juga merupakan instrumen penting dalam membangunkan ummah yang berkualiti tinggi. Bahkan tuntutan pensyariaan zakat dalam Islam tidak hanya bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan ekonomi umat Islam, tetapi juga untuk memastikan keadilan dan kestabilan sosial dalam masyarakat.

Sementara Khairul Azhar Meerangani (2017) menjelaskan bahawa dengan mengurangkan jurang pendapatan dan memberikan bantuan kepada golongan yang memerlukan, zakat membantu mengekalkan keseimbangan dalam kehidupan manusia. Melalui pengagihan yang sistematik dan cermat, zakat boleh menjadi sumber dana yang penting untuk memperkukuhkan ekonomi umat Islam, membantu meningkatkan taraf pendidikan, dan memajukan kualiti modal insan dalam negara. Ini membawa kesan berangkai di mana pertumbuhan ekonomi yang mantap dan kebajikan sosial yang kukuh dapat dicapai, membawa manfaat jangka panjang kepada masyarakat dan negara secara keseluruhannya. Zakat memainkan peranan dalam menegakkan keadilan ekonomi dan sosial masyarakat. Perkara yang sama turut dibahaskan oleh penyelidik yang lain seperti Norazlina dan Abdul Rahim (2011), Patmawati Ibrahim (2008), dan Syeikh Yusuf al-Qardawi (1973).

Terdapat kajian mengenai konsep agihan yang dibicarakan dalam sebuah kajian Alin dan Adha (2008) yang membincangkan konsep zakat daripada dua aspek iaitu kesejahteraan dan kemaslahatan hidup. Islam mengajar umatnya untuk saling membantu antara satu sama lain

agar kesejahteraan dan kemaslahatan hidup dapat dicapai. Selain itu, Alin dan Adha turut menerangkan bahawa ibadah zakat adalah ibadah yang berbentuk Maliyah yang ditaklifkan ke atas golongan mukalaf yang berada sebagai cara pengagihan harta bagi tujuan meringankan beban asnaf dan memberi kekuatan jiwa kepada mereka untuk keluar daripada kepompong kemiskinan.

Justeru, sebuah kajian yang komprehensif daripada Mohd Syahiran (2019) telah membincangkan mengenai konsep agihan zakat yang memisahkan dua golongan fakir miskin yang mempunyai keupayaan dan tiada keupayaan. Kaedah pemisahan ini berdasarkan perbelanjaan dan keperluan di mana batas pemisah antara kedua pengukur ini adalah keupayaan asnaf yang dikategorikan kepada fakir dan miskin kekal dan fakir miskin sementara. Konsep ini dilihat jelas meletakkan penentuan kadar agihan kepada skop yang lebih luas dan fleksibel.

Sementara itu, artikel ini juga tertarik dengan huraian Mohd Soberi dan Mohd Mahyeddin (2019) yang mengupas mengenai polisi agihan zakat pada zaman Rasulullah SAW dan Khulafa' al-Rasyidin. Menurut al-Shaikh Ba'ishan (1427H/2006), terdapat dua pandangan ulama mengenai permulaan kewajipan zakat, sejarah pensyariat Islam zakat mula difardukan ke atas umat Islam pada tahun kedua hijrah Rasulullah SAW ke Madinah. Menurut kajian Muaz Omar et al. (2016), sejarah zakat bermula sejak zaman awal Islam di Mekah dengan perintah zakat yang pada masa itu masih bersifat umum. Zakat pada masa itu bergantung pada penilaian dan kebaikan hati umat Islam kerana al-Quran tidak memperincikan secara khusus mengenai jenis harta benda dan jumlah zakat yang wajib. Setelah Rasulullah SAW hijrah ke Madinah dan terbentuknya negara Islam pada tahun kedua hijrah, maka zakat disyariatkan secara terperinci, termasuk jenis harta, jumlah zakat, penerima zakat, dan aspek penting lainnya.

Menurut kajian Nur Rahmah dan Munadi Idris (2019) mengenai masa keemasan kewangan Islam dalam perspektif Islam menjelaskan bahawa ekonomi Islam telah dipraktikkan seperti biasa pada zaman Khulafa' al-Rasyidin iaitu Khalifah Abu Bakar al-Siddiq, Khalifah Umar bin Khattab, Khalifah Uthman bin Affan dan Khalifah Ali bin Abi Thalib. Khalifah Abu Bakar al-Siddiq menunjukkan tindakan tegas dalam memastikan pembayaran zakat, melalui perjuangan menuntut harta zakat dari individu yang enggan membayar. Di samping itu, Khalifah Umar bin Khattab menyusun sistem pentadbiran yang teratur untuk meningkatkan pungutan zakat dan sumber-sumber pendapatan lainnya. Khalifah Uthman bin Affan pula melaksanakan program pembangunan infrastruktur serta menjaga keamanan perdagangan melalui organisasi polisi. Sementara itu, Khalifah Ali bin Abi Thalib mengutamakan prinsip pemerataan agihan kekayaan dengan pengagihan zakat ke berbagai wilayah takluk Islam melalui institusi kewangan seperti Baitulmal. Kesemua tindakan ini mencerminkan peranan penting institusi Baitulmal dalam mengelola dana umat Islam sejak zaman Rasulullah SAW hingga zaman Khulafa' al-Rasyidin. Sistem kewangan Islam juga telah dilanjutkan pada zaman kepemimpinan Bani Umayyah. Menurut Vitzhal Rivai (2012), Bani Abbasiyah dan ekonomi Islam berkembang pada zaman Bani Abbasiyah yang dikenali sebagai masa keemasan.

Menurut Rosbi Abd Rahman dan Sanep Ahmad (2010) pula dalam kajian mengenai pengukuran keberkesanan agihan zakat dalam perspektif maqasid al-syariah menerangkan bahawa agihan zakat kepada golongan fakir dan miskin sering menjadi perhatian kerana ia menunjukkan kesan positif pusat zakat dalam menjaga kesejahteraan kedua golongan tersebut. Namun, masih wujud kebimbangan bahawa banyak dari golongan ini tetap menghadapi kekangann dan kekurangan ekonomi walaupun bantuan zakat diberikan. Hal ini menunjukkan perlunya usaha lebih besar

untuk merapatkan jurang sosial antara golongan fakir dan kaya, yang masih menjadi cabaran penting dalam pengagihan zakat.

Manakala kajian Nuruul Hidayah Mansor et al. (2014) mengenai pemeraksanaan agihan zakat sebagai medium pembangunan masyarakat Islam menerangkan bahawa untuk menunaikan amanah mengagihkan zakat dengan berkesan dan amanah, maka penentuan definisi asnaf adalah amat penting dan perlu lebih diperhalusi. Menurut Mujaini Tarimin (2005) pula, agihan zakat dikategorikan kepada tiga asas utama, iaitu: pertama, agihan berdasarkan keperluan seperti fakir, miskin, hamba, si berhutang, dan ibn sabil; kedua, agihan berdasarkan pemupukan dan galakan hidup beragama serta moral seperti muallaf dan fi-sabilillah; dan ketiga, agihan berdasarkan insentif dan motivasi untuk pengurus zakat, iaitu amil. Pengkategorian ini membantu pihak amil untuk menyusun dan mengagihkan zakat secara adil kepada setiap asnaf dengan mengutamakan keperluan dan peningkatan kualiti hidup mereka.

Menurut Patmawati Ibrahim (2008), lapan golongan yang layak menerima agihan zakat seperti dinyatakan dalam ayat al-Quran surah al-Taubah ayat 60. Dalam kajian Nuruul Hidayah Mansor et al. (2014) menjelaskan bahawa pembahagian perbelanjaan kepada kategori asnaf ini mempunyai skop yang amat luas dan meliputi hampir semua bentuk perlindungan sosial dalam masyarakat. Oleh itu, zakat dilihat sebagai satu instrumen yang diberkati oleh Allah SWT untuk membentuk kestabilan sosial dan keharmonian dalam kalangan umat Islam.

Menurut kajian Hairunnizam Wahid et al. (2014) mengenai aspek pelaporan kewangan institusi zakat di Malaysia dengan sebuah cadangan kerangka kerja Syariah, beliau menyatakan bahawa ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan konsep pengagihan zakat, seperti yang dijelaskan dalam Surah at-Taubah ayat 60, memberikan panduan yang jelas mengenai kelompok-kelompok yang berhak menerima zakat. Hal ini jelas bahawa terdapat lapan golongan manusia yang berhak menerima zakat. Dalam perbincangan tafsiran fakir dan miskin menurut empat mazhab, terdapat pelbagai pandangan yang berbeza dalam menetapkan definisi tersebut.

Kajian daripada Azman Ab Rahman et al. (2022) mengenai perluasan tafsiran asnaf fakir dan miskin dalam konteks pandemik di Malaysia menyatakan setiap mazhab mempunyai pandangan yang berbeza dalam menetapkan tafsiran asnaf fakir dan miskin. Menurut al-Sarakhsi (1986), tujuh interpretasi Mazhab Hanafi mengenai “fakir” dan “miskin” diterangkan oleh al-Hasan bin Ziyad dan Ibn al-Humam. Al-Hasan bin Ziyad meriwayatkan daripada Abu Hanifah bahawa fakir adalah seseorang yang secara terbuka menyatakan kemiskinan dan keperluannya kepada orang ramai. Ibn al-Humam lebih lanjut menjelaskan bahawa seorang “fakir” boleh memiliki harta tetapi tidak mencapai ambang nisab atau mungkin memiliki aset yang tidak boleh diperbesarkan dan masih memerlukan bantuan material. Walau bagaimanapun, individu yang termasuk dalam kategori ini tidak dibenarkan meminta sedekah kerana mereka mempunyai cara yang mencukupi untuk kehidupan harian dan pakaian.

Sementara bagi istilah “miskin” pula, al-Sarakhsi (1986) mengemukakan definisinya sebagai individu yang secara aktif meminta bantuan untuk menyara hidup, seperti yang diriwayatkan oleh Imam Abu Yusuf daripada Imam Abu Hanifah. Miskin juga ialah orang yang langsung tidak memiliki harta serta membenarkan mereka untuk meminta-minta bagi mendapatkan makanan dan pakaian (Ibn al-Humam, t.t). Mazhab Hanafi menekankan sifat meminta bantuan sebagai aspek penting dalam kategori kemiskinan. Oleh itu, kategori “miskin” memerlukan lebih banyak bantuan kerana mereka secara aktif mencari sedekah berbeza dengan “fakir” yang mungkin memiliki beberapa harta tetapi tidak meminta-minta.

Walau bagaimanapun, dalam kajian yang sama, Azman Ab Rahman et al. (2022) menerangkan bahawa Mazhab Maliki mengukur status “fakir” dan “miskin” dengan mempertimbangkan apakah keperluan seseorang mencukupi untuk satu tahun atau tidak. Seorang “fakir” adalah mereka yang tidak memiliki bekalan makanan yang memadai untuk satu tahun, meskipun mungkin memiliki harta yang tidak mencapai nisab atau tidak dapat dikembangkan sehingga memerlukan bantuan. Sebaliknya, istilah “miskin” difahami sebagai golongan yang tidak memiliki apa-apa, menjadikan mereka lebih rentan daripada orang fakir. (Al-Dusuki, 1996)

Dalam kajian yang sama Azman Ab Rahman et al. (2022) menyatakan bahawa Mazhab Syafie menggunakan kepemilikan harta dan pekerjaan sebagai penanda untuk menentukan status fakir atau bukan. Al-Syafie menyatakan bahawa seseorang dianggap fakir jika tidak mempunyai harta atau pekerjaan sudah memadai. Imam al-Nawawi (t.t.) menegaskan bahawa fakir adalah yang tidak mempunyai apa-apa harta untuk memenuhi keperluan dan berhajat kepada sebarang bantuan yang berpatutan. Mereka yang miskin memiliki harta atau pekerjaan tapi tak cukup untuk hidup, zakat yang diberikan harus sesuai dengan keperluan mereka. Mazhab Syafie jelas dalam mendefinisikan asnaf fakir dan miskin berdasarkan ukuran harta atau pekerjaan.

Selanjutnya Azman Ab Rahman et al. (2022) menjelaskan mengenai pandangan kontemporari terhadap istilah asnaf fakir dan miskin yang merujuk kepada individu yang berada dalam keadaan kekurangan yang meliputi ketiadaan harta atau pekerjaan, dan mereka sangat memerlukan bantuan untuk memenuhi keperluan hidup mereka. Pengumpulan dan pengagihan zakat di Malaysia telah mengalami perubahan mengikut arus perdana. Hal ini telah membuka peluang bagi artikel ini untuk mempelajari kesan zakat terhadap asnaf fakir dan miskin secara lebih mendalam, menggambarkan cara zakat diamalkan dalam masyarakat dan mendorong pengkajian lebih lanjut mengenai kesan zakat terhadap asnaf fakir dan miskin yang berhak menerimanya.

### **Corak Agihan Zakat**

Menurut Mohd Faisal Ibrahim dan Muhammad Sahrim (2019), zakat bukan sekadar alat kewangan sosial dalam Islam namun zakat juga memainkan peranan penting dalam mewujudkan masyarakat yang adil dan sejahtera. Zakat juga difahami oleh Dean dan Khan (1997) dalam artikel mereka iaitu *Muslim perspectives on welfare*, sebagai alat sosial yang memberi kesejahteraan buat masyarakat dan bukan semata-mata sebagai amal ataupun derma. Menurut Norfariza Mohd Radzi dan Nur Aliza Ahmad (2017), dalam kajian berkaitan peranan zakat dalam meningkatkan ekuiti dalam pendidikan anak-anak miskin bandar di Malaysia menerangkan bahawa zakat tidak hanya menjadi kewajipan agama, tetapi juga meliputi bidang ekonomi, pendidikan, undang-undang, dan lain-lain.

Norfariza Mohd Radzi dan Nur Aliza Ahmad (2017) menambah bahawa dalam konteks ekonomi, zakat memiliki impak yang positif terhadap pertumbuhan ekonomi. Ini disebabkan oleh peranan zakat sebagai salah satu alat fiskal ekonomi yang efektif dalam merangsang pertumbuhan ekonomi dalam masyarakat Islam. Selain itu, para ahli ekonomi juga meyakini bahawa zakat merupakan sumber utama untuk menjaga kebajikan dan memastikan pembangunan ekonomi yang berterusan dalam sebuah negara. Al-Quran juga telah menjelaskan golongan-golongan yang berhak menerima zakat (asnaf), termasuk fakir, miskin, fisabilillah, muallaf, badan pengurusan zakat, hamba, penghutang, dan orang yang musafir. (Patmawati Ibrahim dan Rahisam Ramli, 2010; Norfariza Mohd Radzi dan Nur Aliza Ahmad, 2017)

Melalui pematuhan terhadap hukum zakat dan pengagihan yang berkesan kepada asnaf yang berhak, zakat mampu memberi impak yang besar dalam memperbaiki tahap keadaan sosioekonomi masyarakat dan memastikan kebajikan bersama terpelihara (Norfariza & Nur Aliza, 2017). Zakat banyak memberi kebaikan kepada ummah dan dapat memberikan kesejahteraan kepada masyarakat secara kolektif. Dengan mematuhi hukum zakat dan memberikannya dengan penuh ikhlas, umat Islam dapat mencapai tahap keharmonian dan kesejahteraan bersama.

Kepentingan zakat juga dilihat penting dalam menjaga kebajikan masyarakat pada bila-bila masa terutamanya ketika dunia dilanda wabak pandemik. Sebuah kajian dari Sri Yayu Ninglasari (2021) dengan tajuk: *Zakat Digitalization: Effectiveness of Zakat Management During Covid-19 Pandemic* menerangkan bahawa instrumen zakat boleh mengurangkan kos penanganan impak Covid-19, terutamanya dalam memenuhi keperluan asas komuniti yang terjejas, khususnya golongan miskin. Negara-negara di seluruh dunia mempunyai dasar masing-masing untuk mengawal penularannya, termasuk kerajaan Indonesia, yang memilih dasar penekanan sosial berskala besar (*Large-Scale Social Restrictions – LSSR policy*). Dalam konteks Indonesia, kerajaan telah meningkatkan peruntukan Bajet Negara 2020 sebanyak Rp. 405.1 Trilion dalam mengendalikan impak Covid-19. Dalam hal ini juga, Didin Hafidhuddin (2004) menjelaskan bahawa bidang ekonomi dan kewangan Islam boleh memainkan peranan melalui instrumen kewangan sosial Islam, bahkan ia menonjolkan salah satu instrument pentingnya iaitu zakat sebagai mekanisme pemungutan harta tertentu yang perlu dibayar kepada yang berhak menerimanya mengikut syarat tertentu.

Manakala dalam konteks Malaysia, terdapat sebuah kajian yang menarik yang ditulis oleh Muhammad Hanif et al. (2021) dengan tajuk: “Peranan Zakat di Malaysia Dalam Mendepani Pandemik Covid-19”. Kajian ini menerangkan bahawa Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah menyediakan bantuan kewangan bulanan yang berjumlah RM11.8 juta kepada ribuan penerima. Tambahan pula, bantuan khas Covid sebanyak RM0.8 juta telah disalurkan kepada lebih dari 27,000 penerima.

Selain itu, Lembaga Zakat Selangor (LZS) turut memberi bantuan peralatan perubatan kepada beberapa klinik dan hospital serta bantuan makanan kepada pelajar dan pusat jagaan di Selangor (Lembaga Zakat Selangor, 2020). Berdasarkan kajian Azman Ab. Rahman et al. (2015) dalam analisis skim bantuan zakat bagi asnaf mualaf mengikut negeri-negeri di Malaysia, kumpulan penyelidik ini mendapati bahawa bantuan yang disediakan merangkumi aspek-aspek asas seperti kewangan, pendidikan, sara hidup, dan perubatan. Kajian ini juga mencadangkan agar institusi zakat dapat melaksanakan elemen-elemen terbaik dari skim-skim yang disediakan di negeri-negeri lain untuk meningkatkan keberkesanan bantuan yang diberikan kepada asnaf.

Manakala dari sudut perundangan pula, dalam konteks Malaysia, Perlembagaan Persekutuan Malaysia menyatakan Islam sebagai agama rasmi persekutuan. Bagaimanapun, sebarang isu berkaitan dengan undang-undang dan adat Islam termasuk pentadbiran zakat adalah di bawah bidang kuasa negeri masing-masing, iaitu Sultan, kecuali di Wilayah Persekutuan di mana undang-undang dan pentadbiran Islam diperintah oleh Kerajaan Persekutuan (Ataina Hidayati & Achmad Tohirin, 2010; Ram Al Jaffri Saad et al. (2017).

Dalam hal ini, Mahmood Zuhdi Abd Majid (dlm. Razali Md Jani dan Muhsin Nor Paizin, 2016) menegaskan bahawa zakat merupakan salah satu daripada perkara agama maka ia tertakluk di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Namun kalau diambil kira fungsinya ia boleh

disifatkan sebagai perkara Persekutuan. Bagaimanapun secara tradisinya ia tetap berada di bawah Kuasa Negeri juga. Kedudukannya sama seperti pendidikan agama dalam konsepnya yang luas. Momentum yang sama dibahaskan dalam Marhanum Che Mohd Salleh dan Siti Alawiah Siraj (2019:49-50), JAWHAR (2022:55).

Dalam kajian Farah Aida et al. (2012) bertajuk: *Zakat and Poverty Alleviation: Roles of Zakat Institutions in Malaysia*, menjelaskan bahawa agihan zakat praktikal di kalangan asnaf berbeza mengikut negeri. Perak dan Kelantan, sebagai contoh, tidak membezakan antara golongan fakir tegar dan fakir miskin. Menurut kajian ini lagi, Selangor, Negeri Sembilan, Terengganu, dan Pahang merupakan hanya negeri yang mengagih zakat kepada riqab. Tambahan pula, Perlis mengagih zakat kepada hanya 5 kategori asnaf iaitu, fakir tegar, fakir miskin, amil, mu'allaf, dan fi-sabilillah.

Dalam kajian Patmawati Ibrahim (2008) mengenai pembangunan ekonomi melalui agihan Zakat dengan membuat tinjauan empirikal menuntaskan bahawa analisis dari tahun 1995 hingga 2005, Malaysia mengalami lebih dalam belanjawan zakat setiap tahunnya. Peningkatan ini menunjukkan komitmen masyarakat Malaysia terhadap zakat sebagai salah satu bentuk amalan keagamaan yang penting dan keupayaan institusi zakat dalam menyediakan bantuan kepada asnaf yang memerlukan.

Menurut kajian Mohd Rodzi Embong et al. (2013) mengenai *Role of Zakat to Eradicate Poverty in Malaysia* menerangkan bahawa penyelidikan terkini menunjukkan bahawa koleksi dan pengagihan zakat di Semenanjung Malaysia mengalami peningkatan positif sejak 2005. Pada tahun 2008, jumlah kutipan zakat telah melebihi satu bilion Ringgit (Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2010). Daripada kajian yang sama jumlah kutipan dan pengagihan zakat dari tahun 1999 hingga 2009. Berdasarkan angka yang dipaparkan, jelas bahawa terdapat trend peningkatan dalam kutipan zakat di Malaysia, di mana untuk tempoh ini, jumlah kutipan zakat mencapai RM7.661 bilion. Trend peningkatan ini menunjukkan bahawa masyarakat Islam dan organisasi Islam telah lebih sedar akan kewajipan mereka untuk membayar zakat dan peningkatan pendapatan per kapita di kalangan orang-orang Islam di negara ini.

Selain itu, dalam kajian Azman Ab Rahman et al. (2018) menerangkan bahawa pencapaian dalam kutipan zakat telah menunjukkan peningkatan positif di kebanyakan negeri, menggambarkan keberhasilan strategi pelaksanaan kutipan zakat oleh institusi pengurusan zakat. Menurut kumpulan penyelidik ini, bentuk agihan kewangan dan bukan kewangan serta agihan berkala dan segera menjadi mekanisma yang dapat diterapkan. Namun begitu, terdapat lebih zakat yang tidak diagihkan setiap tahun pengagihan zakat yang menunjukkan peningkatan seiring dengan trend kutipan.

Menurut Mohd Rodzi Embong et al. (2013), terdapat lebih daripada 20 peratus zakat tidak diagihkan setiap tahun kecuali untuk tahun 2009. Pada tahun 2010, zakat yang tidak diagihkan kembali meningkat menjadi 14 peratus. Berdasarkan penelitian laporan *Zakat Collection Centre (ZCC)* dari tahun 2007 hingga 2011, tiada maklumat diberikan mengenai bagaimana wang dari zakat yang tidak diagihkan digunakan. Sementara Azhana Othman dan Abd Halim Mohd Noor (2012) berpendapat bahawa ketidakjelasan mengenai zakat yang tidak diagihkan akan mencerminkan integriti pusat zakat dari segi pengagihan zakat kepada asnaf yang layak, dan ini akan mempengaruhi kutipan zakat pada masa akan datang. Berdasarkan pemerhatian laporan tahunan pusat kutipan zakat, tidak ada penjelasan yang jelas mengenai di mana kutipan yang

tidak diagihkan ini dilaporkan. Hal ini telah menimbulkan persoalan kesan terhadap pengagihan zakat kepada asnaf yang layak terutamanya dalam mengatasi masalah kemiskinan.

Menurut kajian Azninainie Mohd Ghazi et al. (2013) dalam kajian bertajuk: Analisis Pengurusan dan Agihan Dana Zakat di Negeri Kelantan, menerangkan bahawa Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) berhasil meningkatkan kutipan zakat yang memberi sumbangan besar kepada ekonomi negeri Kelantan. Data menunjukkan bahawa MAIK dapat membuat pengagihan yang lebih efisien dan membantu membasmi kemiskinan di kalangan masyarakat. Hasil kajian menunjukkan trend agihan zakat lebih memberatkan kepada asnaf fakir dan miskin, dengan jumlah agihan zakat kepada mereka mengalami peningkatan yang signifikan dari tahun ke tahun.

Hal ini bertepatan dengan kajian Aryati Juliana Sulaiman (2018) yang mengkaji faktor-faktor penentu keutamaan agihan zakat kepada asnaf oleh institusi zakat di Malaysia turut menerangkan bahawa agihan zakat di Malaysia menunjukkan kecenderungan untuk memberikan jumlah yang lebih tinggi kepada asnaf fakir dan miskin serta asnaf fisabilillah, berbanding dengan asnaf lain seperti amil, mu'alaf, al-riqab, al-gharimin, dan ibnusabil. Hal ini menimbulkan persoalan tentang keberkesanan agihan zakat dengan tujuan asalnya untuk membantu golongan fakir dan miskin, dan perlu ada penelitian lebih lanjut untuk memahami kesan amalan agihan ini dan memastikan zakat dapat mencapai golongan yang benar-benar memerlukan bantuan.

Dalam konteks Sarawak, Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) telah menetapkan kehadiran dan keberkesanannya sejak ditubuhkan pada tahun 1966 melalui Undang-Undang Zakat 1966 (Pg Mohd Faezul Fikri, 2019). Dalam beberapa kajian telah dibuktikan bahawa kecekapan pusat pengurusan zakat dalam mengurus zakat. Terdapat kajian daripada Pg Mohd Faezul Fikri dalam menilai prestasi kecekapan pengurusan zakat di Tabung Baitulmal Sarawak menyifatkan pengurusan TBS adalah baik dan perlu diteruskan secara konsisten. Menurut kajian Mohd Syahiran et al. (2021) mengenai realiti keperluan asnaf fakir dan miskin di Sarawak, menerangkan bahawa kejayaan Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) dalam meningkatkan perolehan kutipan zakatnya menunjukkan pencapaian yang membanggakan dari tahun 1999 hingga 2011. Laporan tahun 2012 menunjukkan peningkatan jumlah kutipan zakat melebihi RM50 juta melalui kutipan zakat persendirian dan perniagaan. Agihan zakat yang diuruskan oleh Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) melalui program-program utamanya, iaitu Program Memperkukuhkan Tradisi Keilmuan (PMTK), Program Memantapkan Kebajikan Ummah (PMKU), dan Program Membangunkan Institusi Islam (PMII), telah memberikan manfaat yang signifikan kepada masyarakat penerima.

Menurut kajian Husnia Qasrina Abdul Arrahmannia et al. (2022) mengenai kadar agihan zakat dan program pembangunan pendidikan asnaf di Sarawak bagi tahun 2016 hingga 2020 menerangkan bahawa Program Memantapkan Kebajikan Ummah khususnya memberikan bantuan zakat secara bulanan kepada asnaf fakir dan miskin. Menurut Mohd Syahiran et al. (2021), Program Pembangunan Pendidikan Asnaf di Sarawak bertujuan menyumbang kepada pembangunan ummah melalui Program Tradisi Pemantapan Ilmu, Program Pemantapan Kebajikan Ummah, dan Program Membangun Institusi Islam. Tabung Baitulmal Sarawak berperanan penting dalam memperkukuh asas ekonomi serta pembangunan modal insan di Sarawak. Objektif utama ialah memastikan pengagihan zakat dan sadaqah jariah mencapai golongan asnaf yang memerlukan, meningkatkan kecekapan pengurusan, dan memperkukuh infrastruktur pendidikan. Berdasarkan kepada rekod agihan yang dilakukan oleh TBS,

kelompok asnaf fakir, miskin dan fisabilillah adalah antara yang mendapat peruntukan agihan paling tinggi dan banyak setiap tahun berbanding asnaf-asnaf lain. Pengkaji juga mencadangkan kepada pengurusan zakat negeri Sarawak untuk memberikan keutamaan kepada asnaf fakir dan miskin dalam tiga bidang ini iaitu makanan, pendidikan dan kediaman agar agihan zakat dapat memenuhi keperluan sebenar golongan tersebut.

Menurut Pg Mohd Faezul Fikri (2019) dalam kajian analisis prestasi kecekapan agihan zakat: kajian di Tabung Baitulmal Sarawak menerangkan bahawa corak agihan TBS terbahagi kepada dua kategori iaitu agihan bentuk kewangan (jumlah lebihan zakat) dan agihan bukan kewangan (mengikut keutamaan asnaf). Perkara ini turut bertepatan dengan Garis Panduan Kadar Agihan Bantuan yang menyatakan bahawa terdapat 42 jenis bantuan yang diberi kepada asnaf di Sarawak. Menurut Pg Mohd Faezul Fikri lagi, agihan zakat TBS meningkat sepanjang tahun dan mendapati corak agihan zakat asnaf bersifat pragmatik dan berubah-ubah. Hal ini disebabkan perubahan faktor antaranya ekonomi politik dan sosial. Dalam pada itu, kajian ini juga telah memotivasikan artikel ini untuk mengenalpasti corak agihan zakat terhadap asnaf secara kuantitatif dan kualitatif agar pendekatan boleh dibuat berdasarkan keadaan sebenar asnaf di Sarawak.

Rumusannya, terdapat kelompongan dalam pemahaman kesan agihan zakat terhadap asnaf di Kuching, Sarawak. Walaupun terdapat kajian mengenai kecekapan pengurusan zakat namun masih diperlukan kajian kuantitatif dan kualitatif yang lebih terperinci untuk memahami kesan agihan zakat terhadap asnaf, terutamanya dalam keperluan asas, pendidikan, dan kediaman. Selain itu, perlu juga mengkaji impak Program Memantapkan Kebajikan Ummah dan Program Pembangunan Pendidikan Asnaf di Sarawak terhadap golongan asnaf. Kajian-kajian ini akan memberi pandangan komprehensif tentang keberkesanan program-program tersebut dalam membantu asnaf yang memerlukan. Kajian ini penting untuk memberi pandangan yang lebih menyeluruh tentang bagaimana zakat dapat memberi kesan positif kepada golongan asnaf dalam masyarakat setempat, sekaligus memberikan landasan yang kukuh untuk pengurusan zakat di Sarawak. Dengan demikian, kesinambungan kajian tentang agihan zakat di Sarawak akan memberi panduan strategik yang lebih efektif dalam menyokong pembangunan asnaf dan pembangunan ummah secara menyeluruh.

### **Kesan Agihan Zakat**

Kebanyakan penyelidik bersepakat bahawa agihan zakat memainkan peranan penting dalam usaha membasmi kemiskinan. Terdapat kajian mengenai kesan agihan zakat dalam membasmi kemiskinan dari Patmawati Ibrahim (2008) yang membincangkan fenomena kemiskinan masih terus wujud walaupun statistik kutipan zakat semakin meningkat pada setiap tahun dan usaha mengurangkan kemiskinan aktif dilaksanakan. Tambah beliau lagi, institusi zakat sering melakukan penambahbaikan dalam sistem agihan zakat mereka namun kekangan yang tidak dapat dielakkan tetap berlaku dalam melaksanakan usaha tersebut.

Selain itu, kajian Patmawati Ibrahim (2008) di Selangor dan Fuadah Johari (2004) di Melaka menunjukkan zakat memberi kesan dalam mengurangkan jurang ketidakseimbangan agihan pendapatan dan seterusnya berjaya mengatasi masalah kemiskinan. Indeks kemiskinan berdasarkan Keluk Lorenz, Koefisien Gini dan indeks Atkinson menunjukkan sumbangan positif agihan zakat di negeri-negeri tersebut. Terdapat sebuah kajian daripada Nurul Shahriza Abu Hassan (2018) berkenaan tahap keberkesanan skim bantuan jayadiri terhadap asnaf di Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Kajian ini menerangkan bahawa program Skim Batuan Jaya Diri ini bertujuan memberikan bantuan modal kepada perniagaan kecil-kecilan asnaf



miskin dengan harapan mereka dapat memulakan atau meningkatkan perniagaan mereka untuk mencapai kestabilan ekonomi dan transformasi asnaf. Kajian ini menjelaskan bahawa asnaf miskin yang menerima bantuan tersebut telah menjalankan perniagaan kecil-kecilan dan dibantu melalui program ini. Dapatan kajian ini turut menerangkan bahawa Program Jayadiri bukan sahaja membantu asnaf keluar dari kemiskinan, tetapi juga mengubah mereka menjadi pembayar zakat yang aktif, yang merupakan tujuan utama dalam ajaran Islam.

Selain itu, menurut kajian Muhammad Syukri (2000) menambah dimensi baru kepada pemikiran tentang kemiskinan dalam konteks Islam dengan menekankan peningkatan aspek spiritual seseorang yang turut memberi kesan dalam usaha memerangi kemiskinan. Bahkan terdapat empat mekanisme pengurusan kemiskinan material di bawah kaedah wajib iaitu zakat, al-fay', ghanimah, dan rikaz.

Sementara itu, institusi zakat dipandang sebagai asas penting dalam sistem kewangan Islam di Malaysia, seperti yang dinyatakan oleh Abdul Rahim Abdul Rahman (2007) dalam kajiannya dengan tajuk: *Pre-Requisite for Effective Integration of Zakah into Mainstream Islamic Financial System in Malaysia*. Kajian ini mengusulkan pelbagai langkah termasuk pengukuran harta zakat dari perniagaan, kesepadanan dalam amalan perakaunan zakat, dan peningkatan sistem ukuran zakat bagi mencapai matlamat tersebut.

Terdapat beberapa penulisan mengenai zakat dan kesannya telah dilakukan oleh beberapa penyelidik sebelum ini. Antaranya Hairunnizam Wahid et al. (2004), menganggar kebarangkalian perasaan penerima zakat sama ada mereka berpuas hati atau tidak dengan kualiti hidup mereka kesan daripada penerimaan zakat dengan menggunakan model logit. Kajian ini menjelaskan agihan zakat telah memberi kesan penting kepada kualiti hidup golongan miskin terutamanya aspek pendidikan dan penyertaan sosial. Menurut kajian ini lagi, bidang pendidikan juga perlu difokuskan kerana bidang ini adalah salah satu kaedah yang berkesan dalam membasmi kemiskinan. Manusia dapat meningkatkan kualiti hidup melalui aspek pendidikan yang akhirnya meningkatkan pendapatan masyarakat dan negara. Kajian ini merumuskan dengan mencadangkan beberapa implikasi yang penting untuk memastikan kualiti hidup golongan miskin tidak ditinggirkan.

Terdapat sebuah kajian daripada Raden Mohd Ngisomuddin Masduki et al. (2010) dengan tajuk: *Kesan Agihan Zakat (Bantuan Jayadiri) Terhadap Peningkatan Taraf Hidup Golongan Miskin di Negeri Kedah* menjelaskan bahawa Skim Zakat (Bantuan Jayadiri) yang dijalankan oleh Pejabat Zakat Negeri Kedah telah membuktikan tahap keberkesanannya dalam membantu mengatasi masalah ekonomi dan taraf hidup fakir miskin di kalangan umat Islam di Negeri Kedah. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti penerima agihan bantuan skim bantuan jayadiri tersebut telah mengalami tahap peningkatan taraf hidup melalui peningkatan jumlah pendapatan keluarga mereka. Kajian ini juga mencadangkan agar satu kajian perbandingan dilakukan di semua negeri di Malaysia yang menjalankan skim ini. Dengan ini, pengurusan zakat di setiap negeri dapat mempelbagaikan lagi bentuk bantuan zakat jayadiri.

Sebuah kajian daripada Hazeline Ayoup et al. (2023) mengenai pulangan sosial atas pelaburan dengan mengkaji impak Skim Agihan Zakat Bantuan Jayadiri Asnaf di Negeri Kedah. Hasil kajian memberikan gambaran tentang impak ekonomi dan sosial dari agihan zakat yang dilakukan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) terhadap sekumpulan penerima zakat melalui Skim Bantuan Jayadiri. Hasil kajian ini secara jelas menunjukkan bahawa bantuan kewangan dan peralatan yang diberikan oleh LZNK kepada usahawan asnaf telah menghasilkan

pulangan positif. Kajian ini juga mencadangkan agar sistem pemantauan dapat dirangka dan dijalankan dengan lebih teratur.

Selain itu, sebuah kajian daripada Nurol Huda Haji Ismail et al. (2021) di Negara Brunei Darussalam menghuraikan bahawa sifat zakat adalah konsumtif (berbelanja) dan disokong oleh sifat zakat yang produktif iaitu pertambahan. Dalam kajian ini jelas menjelaskan bahawa Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) turut aktif dalam memperkenalkan program asnaf yang bersifat produktif yang melahirkan asnaf yang berkemahiran tinggi dan boleh mengeluarkan mereka dari kepompong kemiskinan. (Maimunah binti Haji Masri, 2021)

Dengan momentum yang hampir sama boleh ditinjau dalam kajian Rosbi dan Sanep (2011) dan Faizah Zakaria dan Azhar Harun (2019). Dalam hal ini, Rosbi dan Sanep membincangkan implikasi penting kajian mereka adalah strategi pembangunan usahawan asnaf tidak hanya diberi fokus dalam aspek pemberian modal tetapi perlu dilihat dalam membangunkan faktor lain seperti kemahiran sosial. Sementara Faizah dan Azhar pula meneliti sebab kejayaan perniagaan kecil usahawan asnaf adalah berpunca daripada kemahiran mereka dalam keusahawanan. Implikasinya jelas menunjukkan amalan kerohanian Islam mampu mempengaruhi hubungan faktor-faktor kejayaan usahawan kecil asnaf.

Kajian keberkesanan agihan zakat hanya mengambil kira sesetengah aspek sahaja. Hairunnizam Wahid et al. (2004) hanya menilai aspek kualiti hidup sahaja, Fuadah Johari (2004) melihat kesan dari aspek agihan pendapatan, dan Patmawati Ibrahim (2006) menilai dari aspek kesaksamaan agihan pendapatan. Mujaini Tarimin (2005) juga menilai kesan dari aspek pendapatan tetapi kearah pengurusan yang professional. Manakala Ahmad Fuad Mohamed (2006) menilai hanya dari aspek pendapatan sahaja.

Oleh itu, sorotan daripada kajian-kajian ini, artikel ini mendapati sebuah kajian yang menyeluruh dalam mengenalpasti kesan agihan zakat perlu dibuat dengan menilai aspek material, pengetahuan dan kemahiran.

### **Implikasi Zakat Dalam Kemiskinan**

Menurut Pg Mohd Faezul Fikri (2019), prestasi pengurusan agihan zakat oleh TBS yang mengkategorikan kecekapan pengurusan agihan zakat kepada agihan bentuk kewangan (jumlah lebihan zakat) dan agihan bukan kewangan mengikut keutamaan asnaf. Hasil kajian juga mendapati perolehan nilai skor bagi kategori agihan zakat tidak konsisten namun pengurusan agihan zakat oleh TBS tetap. Kajian ini telah mewujudkan input yang baik, namun sedikit kekurangan kerana penulis lebih banyak memberikan cadangan yang baik kepada TBS tanpa melihat permasalahan sebenar yang dihadapi oleh TBS. Penulis juga tidak mengetahui situasi sebenar golongan penerima agihan zakat daripada TBS dengan membuat soal selidik dan penilaian sebenar untuk membuat kesimpulan yang lebih tepat.

Sementara Abdul Hayy Haziq Mohamad dan Hairunnizam Wahid (2017) mengkaji persepsi dan pandangan terkini masyarakat Islam di Bintulu, Sarawak terhadap TBS. Hasil kajian menunjukkan bahawa masih lagi wujud persepsi yang tinggi dalam masyarakat Islam di Bintulu terhadap TBS namun terdapat tanggapan negatif terhadap pungutan zakat di Sarawak yang wujud hasil daripada viral negatif media sosial. Kajian ini mencadangkan agar pihak TBS perlu giat mempromosikan segala maklumat berkenaan gerak kerja yang dilakukan oleh TBS secara lebih teratur. Kajian beliau juga dapat menemukan penemuan baru berdasarkan kesimpulan yang dibuat. Namun, rumusan tersebut akan lebih berkesan sekiranya beliau mendalami dengan

lebih luas terhadap perbandingan di antara persepsi pengetahuan dan amalan penerima agihan zakat. Kajian ini juga telah memotivasikan artikel ini untuk menganalisis persepsi penerima agihan zakat secara kualitatif agar pendekatan boleh dibuat berdasarkan keadaan sebenar fakir dan miskin yang mendapat agihan zakat daripada TBS.

Sebuah kajian daripada Hairunnizam Wahid et al. (2004), mengenai kesan bantuan zakat terhadap kualiti hidup dengan mngkhusus kepada kajian kes asnaf fakir dan miskin. Kajian ini menerangkan bahawa bantuan zakat dalam bentuk tunai tidak menciptakan kepuasan yang cukup bagi golongan miskin bahkan dianggap sebagai pemberian semata-mata tanpa nilai produktif, sehingga golongan miskin mungkin merasa putus asa dengan nilai bantuan zakat yang terbatas. Kajian ini turut mencadangkan bahawa bantuan zakat juga boleh diberikan dalam biasiswa pendidikan, simpanan dalam amanah saham, atau modal perniagaan. Pihak Majlis Agama Islam juga dapat menyumbangkan zakat dalam bentuk barang-barang keperluan seperti alat perkakas dan barang dapur, yang mungkin dapat meningkatkan kepuasan dan kualitas hidup penerima bantuan.

Implikasi kedua sebagaimana dijelaskan oleh Hairunnizam Wahid et al. (2004) menunjukkan bahawa bantuan zakat mungkin hanya menjadi pelengkap saja karena disamping nilai bantuannya yang kecil, pihak kerajaan telah menyediakan bantuan pendidikan seperti bantuan yuran, biasiswa, dan makanan di sekolah. Oleh itu, hal ini menunjukkan bahawa golongan asnaf miskin juga memberi perhatian terhadap pendidikan anak-anak mereka, yang berpotensi membantu mereka keluar dari lingkaran kemiskinan di masa depan. Seterusnya, penyelidik berpendapat bahawa konsep zakat dalam Islam menekankan persaudaraan. Tambahan pula, kosep zakat adalah untuk memastikan bahawa golongan fakir dan miskin tetap terlibat dalam pembangunan sosial.

Pembayaran dan pengagihan zakat memainkan peranan penting dalam mencapai kelima-lima unsur maqasid al-syari'ah. Sebuah kajian daripada Mohamad Sobri Haron (2016) menegnai aspek pengagihan zakat dalam konteks kesejahteraan masyarakat Islam dengan membuat tinjauan berasaskan maqasid al-syari'ah. Artikel ini menerangkan bahawa zakat membantu menjaga kemuliaan agama dengan menegakkan ketaatan kepada ajaran Allah dan menjauhi larangan-Nya. Selain itu, zakat juga menjaga nyawa dengan memberikan bantuan kepada golongan fakir dan miskin, mencegah mereka daripada ancaman kebuluran dan meningkatkan kesejahteraan sosial. Seterusnya, zakat membantu menjaga akal dan fikiran dengan memastikan sumber pendapatan halal sesuai dengan prinsip Islam. Tambahan lagi, pembayaran zakat adalah seperti menghargai martabat dan keturunan, menimbulkan rasa hormat dan keberkatan dalam kehidupan. Akhir sekali, zakat juga membantu menjaga harta dengan mendorong umat Islam mencari rezeki halal dan mengelola harta secara bijaksana. Oleh itu, walaupun kajian sedia ada mengakui peranan zakat dalam memelihara kemuliaan agama, menjaga nyawa, memupuk kecerdasan akal, menghormati masyarakat, dan melindungi harta, terdapat kekurangan dalam menganalisis kesan zakat ini secara terperinci dalam meningkatkan kesejahteraan hidup asnaf.

## **Penutup**

Sebagai kesimpulan, artikel ini telah memberikan analisis menyeluruh mengenai kesan agihan zakat terhadap golongan asnaf di Sarawak berdasarkan kajian literatur utama. Perbincangan ini menekankan peranan penting zakat dalam menangani kemiskinan dan menyokong pembangunan sosioekonomi dalam kalangan masyarakat Islam, terutamanya di Sarawak. Dengan memberi tumpuan kepada sumber literatur utama, artikel ini meneroka pelbagai

dimensi agihan zakat, termasuk konsep, corak, dan kesannya, serta mengkaji implikasinya terhadap pengurangan kemiskinan.

Literatur yang dirujuk menunjukkan bahawa agihan zakat, khususnya di Sarawak, telah menunjukkan pendekatan yang pragmatik dan berkembang, dipengaruhi oleh faktor ekonomi, politik, dan sosial. Walaupun kutipan zakat semakin meningkat, masih terdapat cabaran, terutamanya dalam memastikan agihan zakat tersebut benar-benar sampai kepada golongan asnaf dan memenuhi keperluan asas mereka seperti pendidikan dan perumahan. Artikel ini mengenalpasti adanya jurang dalam pemahaman mengenai kesan sebenar agihan zakat di Sarawak, dan mencadangkan perlunya kajian kuantitatif dan kualitatif yang lebih mendalam untuk memahami sepenuhnya kesannya.

Tambahan lagi, artikel ini menekankan pentingnya penyelidikan berterusan untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan dan agihan zakat di Sarawak. Dengan menganalisis kajian-kajian lepas, jelas bahawa pendekatan yang lebih holistik diperlukan, yang bukan sahaja mengambil kira aspek kewangan tetapi juga pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk memperkasakan golongan asnaf. Kejayaan zakat di Sarawak, khususnya melalui inisiatif seperti Program Memantapkan Kebajikan Ummah dan Program Pembangunan Pendidikan Asnaf, menunjukkan trend positif, tetapi masih terdapat ruang untuk penambahbaikan.

Secara keseluruhan, dapatan artikel ini menekankan kepentingan zakat sebagai alat untuk pembasmian kemiskinan dan pembangunan sosio-ekonomi. Walau bagaimanapun, untuk memaksimumkan kesannya, perlu ada usaha berterusan untuk memperhalusi strategi agihan zakat, memastikan ia memenuhi keperluan golongan asnaf yang semakin berubah di Sarawak. Artikel ini berfungsi sebagai asas untuk penyelidikan dan pembangunan dasar masa hadapan, dengan matlamat untuk mewujudkan sistem zakat yang lebih adil dan berkesan yang benar-benar memberi manfaat kepada penerima yang disasarkan.

## Rujukan

- Abdul Hayy Haziq Mohamad dan Hairunnizam Wahid (2017). Persepsi Masyarakat Islam Terhadap Agihan Zakat oleh Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) dan Peranan Medium Promosi: Kajian di Bintulu, Sarawak. Dlm. Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Noor, Adibah Abdul Wahab, dan Muhammad Tajuddin Abdul Rahim. *Pengurusan Zakat di Malaysia: Satu Pendekatan Analisis Gelagat*. Bangi, Pusat Penyelidikan Ekonomi dan Kewangan Islam (EKONIS-UKM) Universiti Kebangsaan Malaysia. 287-304.
- Abdul Rahim Abdul Rahman (2007). Pre-Requisites for Effective Integration of Zakah into Mainstream Islamic Financial System in Malaysia. *Islamic Economic Studies*, Vol. 14, No. 1 & 2, Aug. 2006 & Jan. 2007, 91-107.
- Ahmad Fuad Mohamed (2006). *Zakat Sebagai Mekanisma Pembangunan Usahawan di Kalangan Asnaf*. Kertas Ilmiah Sarjana Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia. (Bahan tidak diterbitkan)
- Ahmad Hidayat Buang (2020). Pengurusan Zakat: Satu Analisis Dari Perspektif Al-Quran dan Al-Sunnah. *Jurnal Syariah*, 8(2), 89–102. Retrieved from <https://jumec.um.edu.my/index.php/JS/article/view/22930>
- Al-Dusuki, Muhammad Ibn Ahmad Ibn 'Urfah (1996). *Hasyiyat al-Dusuqi 'Ala al-Syarh al-Kabir*. t.tpt: 'Isa al-Babi al-Halabi wa Syurakah.
- Ali Akbar Osman (1995). *Mengapa perlu membayar zakat?* Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Al-Qardawi, Syekh Yusuf (1973). *Fiqh al-Zakat*. Bairut, Libanon: Muassasat al-Risalah.

- Al-Sarakhsi, Muhammad Ibn Ahmad Ibn Abi Sahl Abu Bakr (1986). *Al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
- Aryati Juliana Sulaiman (2018). *Faktor-Faktor Penentu Keutamaan Agihan Zakat Kepada Asnaf oleh Institusi Zakat di Malaysia*. Tesis PhD Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz, Universiti Utara Malaysia, Kedah (Bahan tidak diterbitkan).
- Ataina Hidayati dan Achmad Tohirin (2010). Management of Zakah: Centralised vs Decentralised Approach. *Seventh International Conference – The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy*, Bangi 2010. Diakses dari laman sesawang: [https://www.researchgate.net/publication/228440617\\_MANAGEMENT\\_OF\\_ZAKAH\\_CENTRALISED\\_VS\\_DECENTRALISED\\_APPROACH](https://www.researchgate.net/publication/228440617_MANAGEMENT_OF_ZAKAH_CENTRALISED_VS_DECENTRALISED_APPROACH)
- Azhana Othman dan Abd Halim Mohd Noor (2012). Role of Zakat in Minimizing Economic Inequalities Among Muslim: A Preliminary Study on Non Recipients of Zakat Fund (NRZF). *3rd International Conference on Business and Economic Research (3rd ICBER 2012) Proceeding*. 12-13 March 2012. Golden Flower Hotel, Bandung, Indonesia. 1209-1222.
- Azman Ab Rahman, Nur Wahida Lokman, Md Yunus Abd Aziz, Muhammad Firdaus Ab Rahman, dan Hussein ‘Azeemi Abdullah Thaidi (2022). Perluasan Tafsiran Asnaf Fakir dan Miskin Dalam Konteks Pandemik di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(4), 82–98. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol27no4.461>
- Azman Ab. Rahman, Irwan Mohd Subri, Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Mahazan Abdul Mutalib @ Taib, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Rose Irnawaty Ibrahim, dan Norlina Ismail (2015). Skim Bantuan Zakat Asnaf Mualaf: Satu Analisis Kontemporari. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. Vol 6, 167-191.
- Azninainie Mohd Ghazi, Sanep Ahmad, dan Harirunnizam Wahid (2013). Analisis Pengurusan dan Agihan Dana Zakat di Negeri Kelantan. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII)*, (Johor Bahru, 7–9 Jun 2013). Jilid 3 (2013) 1291-1301
- Ba‘ishan, Sa‘id bin Muhammad (1427H/2006). Tahq. ‘Imad Haydar al-Tayyar. Busyra al-Karim bi Syarh Masail al-Ta‘lim (Syarh al-Muqaddimah al-Hadhramiyyah). Bayrut: Muassasah al-Risalah.
- Dean, H., and Z. Khan (1997). Muslim perspectives on welfare. *Journal of Social Policy* 26 (2): 193–209.
- Didin Hafidhuddin (2004). *Zakat dalam Perekonomian Modern*. (Penyunting Irwan Kelana). Jakarta: Gema Insani.
- Faizah Zakaria dan Azhar Harun (2019). Faktor Kemahiran dan Kejayaan Usahawan Asnaf: Amalan Kerohanian Islam Sebagai Penyederhana. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)* Vol: 4 Issues: 24, 98–108.
- Farah Aida Ahmad Nadzri, Rashidah Abd Rahman, dan Normah Omar (2012). Zakat and Poverty Alleviation: Roles of Zakat Institutions in Malaysia. *International Journal of Arts and Commerce*, Vol. 1 No. 7 December 2012, 61-72.
- Fuadah Johari (2004). *Keberkesanan Zakat Dalam Mengatasi Masalah Kemiskinan di Negeri Melaka*. Disertasi Sarjana (Bahan Tidak Diterbitkan). Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Ekonomi, Universiti Malaya.
- Hairunnizam Wahid, Mohd Fairuz Md Salleh, Norida Basnan, Azlina Ahmad, Azizah Mohd Harun, dan Ainol Basirah Abdul Wahab (2014). Pelaporan Kewangan Institusi Zakat di Malaysia: Satu Cadangan Kerangka Kerja Syariah. Dlm. *Dimensi Baharu Zakat Di Malaysia*. Editor: Muhammad Ikhlas Rosele, Mohamad Noor Sahidi Johari, Muhsin Nor Paizin. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam (APIUM) Universiti Malaya, 197–226.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, dan Mohd Ali Mohd Noor (2004). Kesan Bantuan Zakat

- Terhadap Kualiti Hidup: Kajian Kes Asnaf Fakir dan Miskin. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 1(1), 151-166. Diakses dari laman sesawang:  
<https://jmifr.usim.edu.my/index.php/jmifr/article/view/9>
- Hazeline Ayoup, Arifatul Husna Mohd Arif, Noor Asma Jamaludin, Samihah Ismail, dan Md Shariff Md Isa (2023). Pulangan Sosial Atas Pelaburan: Kajian Impak Skim Agihan Zakat Bantuan Jayadiri Asnaf di Negeri Kedah. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 4(1), 39-56. Diakses dari laman sesawang:  
<https://doi.org/10.51377/azjaf.vol4no1.125>
- Hazwan Syah Niezam Abdul Haniff, Muhamad Nor Habibi Hj Long, dan Nor Hayati Ahmad (2021). Inisiatif dan Inovasi Institusi Zakat Era Pendemik Covid-19 – Satu Penelitian Terhadap Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). *International Journal of Islamic Business*, 6(2), 1-14.  
<https://doi.org/10.32890/ijib2021.6.2.1>
- Husnia Qasrina Abdul Arrahmannia, Dayangku Nurfarhana Aleeza Awang Ramzi, Sofea Khairuniesa Sawal, Nur Iqmalniza Mahmut, Nur Athirah Rosli, dan Aemy Aziz (2022). Kadar Agihan Zakat dan Program Pembangunan Pendidikan Asnaf di Sarawak Tahun 2016 Hingga 2020: Satu Sorotan Kajian. *Proceedings Borneo Islamic International Conference*. Vol. 13. 2022; 275-281.
- Ibn Rushd (1988), *Bidayat al-Mujtahid*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2020). *Indikator Matlamat Pembangunan Mampan Sustainable Development Goals (SDG) Indicators, Malaysia 2019*. Putra Jaya, Malaysia: Jabatan Perangkaan Malaysia. Diakses dari laman sesawang:  
<https://ekonomi.gov.my/sites/default/files/2021-02/Sustainable-Development-Goals-%28SDG%29-Indicators-Malaysia-2019.pdf>
- Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) (2022). *Kompilasi Hukum dan Fatwa Berkaitan Wakaf, Zakat, Haji & Sumber Am*. Putrajaya: Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR). Diakses melalui laman sesawang: <https://e-penerbitan.jawhar.gov.my/wp-content/uploads/2022/07/Kompilasi-Fatwa.pdf>
- Joni Tamkin Borhan (2002). Polisi Kewangan Menurut Perspektif Ekonomi Islam. *Jurnal Syariah*, 10(1), 71-88.
- Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Malaysia (2019). *Wawasan Kemakmuran Bersama 2030*. Putrajaya, Malaysia: Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Malaysia. Dipetik dari laman sesawang: [https://www.ekonomi.gov.my/sites/default/files/2020-02/WKB2030\\_BM\\_FA\\_DigitalCopy\\_V4.pdf](https://www.ekonomi.gov.my/sites/default/files/2020-02/WKB2030_BM_FA_DigitalCopy_V4.pdf)
- Kementerian Kewangan Malaysia (2023). *Ucapan Belanjawan 2023*. Putrajaya, Malaysia: Kementerian Kewangan Malaysia. Dipetik dari laman sesawang: <https://belanjawan.mof.gov.my/pdf/belanjawan2023/ucapan/ub23.pdf>
- Khairul Azhar Meerangani (2017). Model Agihan Dana Zakat al-Riqab Berteraskan Maqasid Al-Syariah: Satu Kajian Awal. Dlm. *Isu-Isu Kontemporari Dalam Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam*. Melaka: Kolej Universiti Islam Melaka. Diakses dari laman sesawang: [https://scholar.google.com/citations?view\\_op=view\\_citation&hl=en&user=m3E70WgAAAJ&cstart=20&pagesize=80&citation\\_for\\_view=m3E70WgAAAJ:RGFaLdJalmkC](https://scholar.google.com/citations?view_op=view_citation&hl=en&user=m3E70WgAAAJ&cstart=20&pagesize=80&citation_for_view=m3E70WgAAAJ:RGFaLdJalmkC)
- Maimunah binti Haji Masri (2021). Program Produktif PROPAZ Sebagai Langkah Mengurangkan Kemiskinan di Negara Brunei Darussalam. *International Journal of Umrnic Studies*, 4(2), 51-60.
- Marhanum Che Mohd Salleh dan Siti Alawiah Siraj (2019). Amalan Perakaunan Zakat di Majlis Agama Islam Negeri Terpilih. *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*, Vol. 9, No.1, 2019, pp. 47-66.
- Mas Nooraini Mohiddin, Nurol Huda Ismail, dan Nurzakiah Ramle (2021). Bantuan Kebajikan vs Bantuan Zakat: Menurut Perspektif Asnaf Fakir Miskin di Brunei Darussalam. *The International Islamic Economic System Conference – The 9th I-iECONS 2021*, 353-371.

- Diakses dari laman sesawang:  
<https://oarep.usim.edu.my/server/api/core/bitstreams/31a6cdfc-3f3f-4fee-aa45-da360ba5991b/content>
- Mohamad Sabri Haron, dan Riki Rahman (2016). Pengagihan Zakat Dalam Konteks Kesejahteraan Masyarakat Islam: Satu Tinjauan Berasaskan Maqasid al-Syari'ah. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 10, 129-140.
- Mohd Faisol Ibrahim dan Muhammad Sahrim (2019). Peranan Agihan Zakat Sebagai Alat Kewangan Sosial Islam Bagi Melangsaikan Hutang Golongan al-Gharimin di Malaysia. *Labuan E-Journal of Muamalat & Society*, 2019:13, 45-55.
- Mohd Rodzi Embong, Roshaliza Taha, dan Mohd Nazli Mohd Nor (2013). Role of Zakat to Eradicate Poverty in Malaysia. *Jurnal Pengurusan* 39(2013) 141–150.
- Mohd Soberi Awang dan Mohd Mahyeddin Mohd Salleh (2019). Polisi Agihan Zakat di Zaman Rasulullah S.A.W. dan Khulafa' Rashidin. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol. 12 No: 2. 84-100.
- Mohd Syahiran Abdul Latif, Sharifah Anom Omar, dan Mohamad Zaid Mohd Zin (2021). Realiti Keperluan Asnaf Fakir dan Miskin di Sarawak. *Journal of Multidisciplinary Islamic Studies*, Vol. 1 (1); 2021; 11-17.
- Mohd Syahiran Abdul Latif (2019). *Agihan Zakat Berdasarkan Had al-Kifayah Fakir dan Miskin: Analisis Fiqh dan Realiti di Sarawak*. Tesis PhD (Bahan Tidak Diterbitkan), Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- Muaz Omar, Norita Kamaruddin, dan Fakhri Sungip (2016), Konsep Zakat dan Peranannya Terhadap Masyarakat Sejagat. Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference. Bangi: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
- Muhammad Firdaus bin Hj Suhaimi, Abdul Ghafar Don, dan Anuar Puteh (2021). Program Latihan Dalam Membangunkan Asnaf di Selangor. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 2(2), 199-216. <https://doi.org/10.51377/azjaf.vol2no2.66>
- Muhammad Hanif Mohd Noor, Muhammad Aiman Abdull Rahim, Wan Abdul Rahman Wan Ibrisam Fikry, dan Aminudin Hehsan. (2021). Peranan Zakat di Malaysia Dalam Mendepani Pandemik Covid-19. *International Research of Shariah, Muamalat and Islam*, 3 (8), 21-30.
- Muhammad Ikhlas Rosele dan Mohd Anuar Ramli (2012). Pemikiran Nur Al-Din Al-Raniri Dalam Hukum Zakat: Analisis Kitab Al-Sirat Al-Mustaqim. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 23, 2012. 237-255.
- Muhammad Syukri Salleh (2000). Pengurusan Kemiskinan. Dlm. Muhammad Syukri Salleh dan Fadzila Azni Ahmad, *Pengurusan Pembangunan Islam: Prosiding Seminar*. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia dan Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
- Mujaini Tarimin (2005). *Zakat Menuju Pengurusan Profesional*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Nor Hanani Ismail (2019). A constructive analysis of the use of validity instrument in zakat research. In: *International Conference on Zakat, Tax, Waqf and Economic Development (ZAWED)*, 1st – 2nd December 2019, Adya Hotel Langkawi, Malaysia.
- Norazlina Abd. Wahab dan Abdul Rahim Abdul Rahman (2011). A framework to analyse the efficiency and governance of zakat institutions. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, Emerald Group Publishing Limited, vol. 2(1), 43-62, April.
- Norfariza Mohd Radzi dan Nur Aliza Ahmad (2017). Peranan Zakat Dalam Meningkatkan Ekuiti Dalam Pendidikan Anak-Anak Miskin Bandar di Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. Julai 2017, Bil. 4: Isu 3, 1-13.

- Nur Rahmah dan Munadi Idris (2019). Keemasan Keuangan Islam (Perspektif Sejarah). *Jurnal Ekonomi Bisnis Syariah* (2019) 2 (1), 1-21.
- Nur Syazwani Zainul Abidin (2019). Kemiskinan Bandar di Malaysia. *DIMENSI KOOP*. Bil. 63(4/2019), 30-37. Diakses melalui sesawang: <https://www.ikma.edu.my/images/dokumen/penerbitan/demensi/demensi-koop-63/DIMENSI-KOOP-BIL63-1-4.pdf>
- Nurul Huda Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Haji Ismail, Mas Nooraini Hj Mohiddin, dan Nurzakiah Hj Ramlee (2021). Asnaf Fakir Miskin di Negara Brunei Darussalam: Kajian Had Kifayah dan Faktor Memohon Zakat. *Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS)*. Volume 7 Issue 1, 2021. 117-131. Diakses dari laman sesawang: <https://jcis.uitm.edu.my/journal/volume7/issue2/8.%20Asnaf%20Fakir%20Miskin%20di%20Negara%20Brunei%20Darussalam%20Kajian%20Had%20Kifayah%20dan%20Faktor%20Memohon%20Zakat.pdf>
- Nurul Shahariza Abu Hassan, Roslida Zalila Ahmad Rusli, Siti Hafsha Albasri, dan Rahayati Ahmad (2018). Keberkesanan Skim Bantuan Jayadiri Terhadap Asnaf di Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). *International Journal of Muamalat* December 2018, Vol.2, Issue. 1, 17-22.
- Nuruul Hidayah Mansor, S.Salahudin Hj. Suyurno, dan Norajila Che Man (2014). Pemeraksanaan Agihan Zakat Sebagai Medium Pembangunan Masyarakat Islam. *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective*. Disunting oleh: Anuar Puteh & Ahmad Irdha Mokhtar, Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM, Bangi, Selangor.
- Patmawati Ibrahim (2006). *Economic Role of Zakat in Reducing Income Inequality and Poverty in Selangor*. PhD Thesis. Faculty of Economics and Management, Universiti Putra Malaysia. (Bahan tidak diterbitkan)
- Patmawati Ibrahim (2008). Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirik. *Jurnal Syariah*, 16(2), 1-23. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/article/view/22763>
- Patmawati Ibrahim dan Rahisam Ramli (2010). Kesan Agihan Zakat Dalam Membasmi Kemiskinan dan Ketidakeimbangan Agihan Pendapatan di Negeri Sembilan. *Prosiding PERKEM V*, Jilid 2, 104-113.
- Pg Mohd Faezul Fikri Ag Omar (2019). Analisis Prestasi Kecekapan Agihan Zakat: Kajian di Tabung Baitulmal Sarawak. *Labuan E-Journal of Muamalat & Society*, No. 1 (2019): Special Issue 1 (2019), 60-78. Diakses melalui laman sesawang: <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/LJMS/article/view/2546/1685>
- Raden Mohd Ngisomuddin Masduki, Kamis Ismail, Wan Zulkipli Wan Salleh, Mohd Shabri Ismail, dan Osman Abd Hamid (2010). Kesan Agihan Zakat (Bantuan Jayadiri) Terhadap Peningkatan Taraf Hidup Golongan Miskin Di Negeri Kedah. In: *ICOPS 2010: International Conference on Public Polices & Social Sciences: E-Proceedings*, 26 to 27 May 2010, SP Inn Hotel, Sungai Petani Kedah, Malaysia. Diakses dari laman sesawang: <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/33501/1/33501.pdf>
- Ram Al Jaffri Saad, Kamil Md Idris, Hasnah Shaari, Norfaiezah Sawandi, dan Chek Derashid (2017). Governance of Non-Profit Organizations: A Case of Zakat Institutions in Malaysia. *International Journal of Economic Research*. Volume 14, Number 16 (Part 2), 2017. Diakses dari laman sesawang: [https://www.researchgate.net/publication/322853786\\_Governance\\_of\\_Non-Profit\\_Organizations\\_A\\_Case\\_of\\_Zakat\\_Institutions\\_in\\_Malaysia](https://www.researchgate.net/publication/322853786_Governance_of_Non-Profit_Organizations_A_Case_of_Zakat_Institutions_in_Malaysia)
- Razali Md Jani dan Muhsin Nor Paizin (2016). *Menelusuri Isu-isu Kontemporari Zakat*. Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat.



- Rosbi Abd Rahman dan Sanep Ahmad (2010). Pengukuran Keberkesanan Agihan Zakat: Perspektif Maqasid al-Syariah. Kertas Kerja dibentang di *Seventh International conference: The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy*. Organise by Institut Islam Hadhari dan Ekonis, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, UKM di ILIM, Bangi. 6-7 Januari 2010.
- Rosbi Abd Rahman dan Sanep Ahmad (2011). Strategi Pembangunan Keusahawanan Asnaf Fakir dan Miskin melalui Agihan Bantuan Modal Zakat. *Jurnal Pengurusan* 33(2011) 37–44.
- Siddiqui, M. N. (1978). *Some Aspects of the Islamic Economy* (2nd ed.). Lahore, Pakistan: Islamic Publications Ltd.
- Sri Yuyu Ninglasari dan Mumuh Muhammad (2021). Zakat Digitalization: Effectiveness of Zakat Management During Covid-19 Pandemic. *Journal of Islamic Economic Laws*. Vol. 4, No. 1 January 2021: 26-44.
- Tabung Baitulmal Sarawak (2013). *Latar Belakang TBS*. Dipetik dari laman sesawang: <https://www.tbs.org.my/www/?page=5>
- Undang-undang Sarawak (Bab 41) 2001. *Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001*.
- United Nations (2023). *Global Sustainable Development Report 2023*. The Department of Economic and Social Affairs, United Nations. Dipetik dari sesawang: [https://sdgs.un.org/sites/default/files/2023-09/FINAL%20GSDR%202023-Digital%20-110923\\_1.pdf](https://sdgs.un.org/sites/default/files/2023-09/FINAL%20GSDR%202023-Digital%20-110923_1.pdf)
- Vitzhal Rivai (2012), *Economic & Finance: Ekonomi dan Keuangan Islam bukan Alternatif, tetapi Solusi*. Jakarta: PT. Gramedia Pustaka Utama.
- Zulfaqar Mamat, Azman Ab. Rahman, dan Hamzah Abd al-Karem Hamad (2018). *Penentuan Had Kifayah Zakat Berdasarkan Keadaan Masa dan Tempat*. Diakses dari laman sesawang: [https://www.researchgate.net/publication/326426896\\_PENENTUAN\\_HAD\\_KIFAYAH\\_ZAKAT\\_BERDASARKAN\\_KEADAAN\\_MASA\\_DAN\\_TEMPAT\\_DETERMINATION\\_OF\\_HAD\\_KIFAYAH\\_IN\\_ZAKAT\\_BASED\\_ON\\_TIME\\_AND\\_PLACE\\_CONDITION](https://www.researchgate.net/publication/326426896_PENENTUAN_HAD_KIFAYAH_ZAKAT_BERDASARKAN_KEADAAN_MASA_DAN_TEMPAT_DETERMINATION_OF_HAD_KIFAYAH_IN_ZAKAT_BASED_ON_TIME_AND_PLACE_CONDITION)